


#KitaSelangor

BULETIN 4 / 2022



# PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM



## SEBELUM BANJIR



Pastikan ada sistem amaran banjir di kawasan anda



Dapatkan maklumat:

- Banjir terkini di kawasan anda
- Pusat pemindahan & pusat bantuan bencana



Periksa semua saluran:

- Air / parit supaya tidak tersumbat
- Kumbahan & pastikan tertutup rapat



Simpan air bersih & letakkan di tempat tinggi



Tutup suis elektrik, injap utama air & gas



Bawa masuk perabot / perkakasan di luar rumah



Alihkan peralatan elektrik ke tempat tinggi



Simpan dokumen penting dalam bekas kalis air & bawa bersama jika perlu berpindah

# TIP BERSEDIA HADAPI MUSIM BANJIR

## SEMASA BANJIR



Dapatkan maklumat semasa tentang bencana



Pergi ke tempat yang:

- Lebih tinggi & selamat
- Jauh dari kawasan lapang, sungai & longkang



Sentiasa bersedia:

- Dengan peralatan kecemasan
- Jika diarahkan untuk berpindah



Pastikan kanak-kanak:

- Tidak bermain air banjir
- Berada berdekatan sungai, longkang / lombong

## Elakkan:

- Bersiar-siar menaiki sampan / berjalan di kawasan banjir
- Sentuh sebarang kabel / wayar yang jatuh
- Minum air banjir
- Mengharungi kawasan banjir dengan kenderaan, segera berpatah balik



## JIKA DIARAHKAN BERPINDAH

Lakukannya dengan segera


- Pindah awal sebelum banjir lebih buruk
- Pindah pada siang hari untuk lebih selamat

Hanya ikut laluan ditentukan pihak berkuasa

- Jalan singkat mungkin undang berbahaya

Sumber: Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

Diterbitkan: 11 Sept 2022  
Infografik Bernama



# KEPERLUAN ASAS KETIKA KECEMASAN




PETI PERTOLONGAN CEMAS




LAMPU SULUH DENGAN  
BATERI TAMBAHAN



BEKALAN AIR BERSIH



WISEL UNTUK MENDAPATKAN  
PERHATIAN SEKIRANYA  
KECEMASAN



TOPENG PENUTUP MUKA




MAKANAN DALAM TIN



TELEFON BIMBIT BERSAMA  
PENGECAS DAN POWERBANK




BARANG KEBERSIHAN DIRI



**#KitaSelangor**



# PROGRAM DAN AKTIVITI



[http://www.selangor.gov.my/sabak  
bernarnam.php?](http://www.selangor.gov.my/sabakbernarnam.php?)



<http://twitter.com/compdtsbernarnam>



<http://facebook.com/pejabatsabakbernarnam>





**BULAN  
OKTOBER  
2022**

# LE TOUR DE LANGKAWI 2022



Le tour de Langkawi (LTdL) telah berlangsung pada 11 Oktober hingga 18 Oktober 2022. Pekan Sabak Bernam dipilih sebagai laluan pelepasan bagi peringkat keempat LTdL. 'YAB Dato' Seri Amirudin Shari Dato' Menteri Besar Selangor membuat pelepasan perlumbaan basikal antarabangsa tersebut dengan membuat ucapan aluan terlebih dahulu. Jarak LTdL ini bermula dari Pekan Sabak Bernam ke Meru Jaya, Ipoh sejauh 137.9 kilometer (KM).



14 & 15 - OKTOBER - 2022

BULETIN 4/2022

# JELAJAH SELANGOR PENYAYANG (JSP)



**Jelajah Selangor Penyayang**  
Menjana Ekonomi Manusiawi

**Sabak Bernam Stadium Sungai Besar** | **14 & 15 Okt 2022**  
**Jumaat & Sabtu**  
**8 pagi - 5.30 ptg**



Program Jelajah Selangor Penyayang (JSP) ini telah diadakan pada 14 & 15 Oktober 2022 bertempat di Stadium Sungai Besar. Program ini telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran YAB Dato' Seri Amirudin Shari Dato' Menteri Besar Selangor yang mengagihkan dana kepada usahawan-usahawan kecil. Program ini turut menyajikan pelbagai acara antaranya persembahan kesenian, saringan kesihatan percuma, jualan barangan asas murah dan pameran.



# SEMAKAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN



Semakan Buku Rekod Perkhidmatan telah dijalankan pada 26 & 27 Oktober 2022. Buku rekod perkhidmatan disediakan bagi merekodkan maklumat peribadi, perkhidmatan, cuti dan kelakuan setiap pegawai awam. Semakan ini bagi menguruskan maklumat Buku Rekod Perkhidmatan direkodkan dengan lebih teratur, lengkap dan seragam.





**BULAN  
NOVEMBER  
2022**



BULETIN 4/2022

# SIMULASI BENCANA BANJIR

1 - NOVEMBER - 2022

Program Simulasi Banjir telah dilaksanakan pada 1 November 2022 di Parit 14, Jalan Sungai Panjang, Sungai Besar. Sesi Latihan dan demonstrasi simulasi menyelamatkan ini juga disertai anggota-anggota Keselamatan Sabak Bernam sebagai persediaan untuk menghadapi Monsun Timur Laut dan fenomena air pasang besar.





BULETIN 4/2022

# PENAMAAN CALON PRU 15

5 - NOVEMBER - 2022

Penamaan Calon PRU 15 diadakan pada 5 November 2022 di Dewan Seri Bernam Sungai Besar bersebelahan Majlis Daerah Sabak Bernam. Dimulakan dengan perarakan ke Dewan Seri Bernam oleh calon dan ahli - ahli parti mereka untuk lebih memeriahkan sesi penamaan calon.





BULETIN 4/2022

# UNDI AWAL PRU 15

15 - NOVEMBER - 2022

Undi Awal PRU telah diadakan pada 15 November 2022 di Ibu Pejabat Polis Sabak Bernam. Undi awal PRU ini diadakan sebelum bermulanya PRU 15 untuk seluruh anggota polis yang bertugas pada hari mengundi. Anggota polis diberikan taklimat terlebih dahulu untuk memastikan undi awal ini dapat dilaksanakan dengan lancar.





# PRU 15

19 - OKTOBER - 2022



PILIHAN RAYA UMUM 15 TELAH DIADAKAN PADA 19 OKTOBER 2022 DI SELURUH NEGARA. PADA PUKUL 8 PAGI ORANG RAMAI MULA TIBA DI KAWASAN MENGUNDI YANG TELAH DITETAPKAN. PARA PETUGAS YANG MENJAGA KAWASAN MENGUNDI MEMBANTU MEMASTIKAN SEMUANYA BERJALAN DENGAN LANCAR.





BULETIN 4/2022

# PENJUMLAHAN UNDI PRU 15

19 - OKTOBER - 2022



DEWAN SERI BERNAM SUNGAI BESAR MENJADI PUSAT PENJUMLAHAN RASMI UNDI BAGI PILIHAN RAYA UMUM KE 15 P.093 SUNGAI BESAR. UNDIAN YANG TELAH DIKIRA DI PUSAT MENGUNDI DI SELURUH SUNGAI BESAR DIBAWA KE DEWAN SERI BERNAM UNTUK DIJUMLAHKAN.







**BULAN  
DISEMBER  
2022**

1 & 2 - Disember - 2022

Buletin 4/2022

# AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015 OLEH SIRIM




Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM telah diadakan selama dua hari pada 1 dan 2 Disember 2022 dan diketuai oleh Encik Khalid Bin Saleman



14 - DISEMBER - 2022

BULETIN 4/2022

# MAJLIS PERHIMPUNAN PDTSB BIL.4/2022



**Perhimpunan Bil 4/ 2022 telah diadakan pada 14.12.2022 di dataran kecemerlangan PDTSB**

**Perhimpunan ini dihadiri oleh Tuan Amri Bin Ismail dan seluruh warga kakitangan dan pegawai di PDTSB.**





# PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM DAERAH SABAK BERNAM



Perhimpunan Penjawat Awam Daerah Sabak Bernam Bil. 4/2022 diadakan pada 16 disember 2022 bertempat di Dewan Seri Bernam Sungai Besar. Perhimpunan ini dihadiri oleh Pegawai dan wakil setiap penjawat awam Jabatan dan Agensi Daerah Sabak Bernam. Perhimpunan ini juga bertujuan melaksanakan pelancaran Program Pengumpulan Sisa Barangan Elektronik (E-Waste) Peringkat Daerah Sabak Bernam.



# **JUTAAN TERIMA KASIH**

**TUAN AMRI BIN ISMAIL  
ENCIK NAZRIN IZWAN BIN MOHD NOH  
ENCIK ZAIN AZMI BIN MOHD NOR  
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM  
ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD  
PUAN SITI SARAH BINTI ISMAIL  
ENCIK SARIFUDIN BIN MOKHTAR  
ENCIK FADZIL HANAFI BIN MOHAMAD  
ENCIK MOHAMAD HASHIM BIN AHBAR @ AKHBAR  
ENCIK NORAZMAN BIN HASHIM  
ENCIK MOHAMMAD AIMAN SHAH BIN SHAHRUNNIZAM  
UNIT ICT**

**DAN**

**SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK YANG TERLIBAT SECARA  
LANGSUNG ATAU SECARA TIDAK LANGSUNG DALAM  
MENJAYAKAN BULETIN PDTSB BIL. 04/2022  
(OKTOBER HINGGA DISEMBER 2022)**